

PM: Laporan ketirisan

Dari muka 1

“Ini termasuk kalau melibatkan pegawai-pegawai di pejabat saya (JPM) dan menteri-menteri. Sebab itu arahan pertama saya minta menteri-menteri beri kerjasama iaitu semua Setiausaha Sulit Kanan (SUSK) dan Ketua SUSK di Pejabat Perdana Menteri harus dalam kalangan pegawai tadbir diplomatik (PTD).

“Ini supaya penyelarasan dapat dilakukan dengan baik kerana jika mereka datang dari bahagian lain dia kurang faham,” kata Perdana Menteri.

Anwar berkata, kerjasama baik penjawat awam di bawah

kepemimpinannya adalah demi membawa Malaysia ke arah sebuah negara yang lebih baik.

“Penjawat awam tak tahu, ada arahan terpaksa patuh, bila tak patuh mereka kena tukar, sebab itu saya harap saudara beri kerjasama (lapor ketidakpatuhan).

“Kalau ada apa-apa masalah jangan simpan, kerana kita nak memastikan negara bergerak lebih pantas, terus sampaikan kepada saya, timbalan perdana menteri atau Ketua Setiausaha Negara, menteri-menteri supaya kita dapat maklum balas yang baik,” katanya.

Pada masa sama, Anwar berkata, barisan jemaah menteri

dan kumpulan penjawat awam harus keluar dari kepompong selesa jika mahu membawa perubahan dalam sistem penyampaian kerajaan demi menyelesaikan masalah rakyat.

Kata Perdana Menteri, semua harus bekerja dalam sebuah pasukan lebih-lebih lagi dalam Kerajaan Perpaduan yang berbeza pandangan politik dengan belajar menerima kekuatan dan mengakui kelemahan untuk memastikan kecekapan dalam tadbir urus negara.

“Dalam apa-apa sistem mesti ada keinginan dan hasrat untuk membawa perubahan, (keluar) daripada budaya selesa, walaupun sudah menjadi menteri, Perdana Menteri, ketua penga-

rah perkhidmatan awam perlu ada kesediaan untuk melakukan transformasi.

“Sekiranya ada pendekatan yang lunak, majoriti bersama kita, menteri-menteri ini bukan daripada satu pasukan, tetapi untuk belajar terima kekuatan, mengakui kelemahan dan lebih penting tekad untuk negara ini harus stabil politik dan jelas hala tujunya.

“Keinginan membawa perubahan mengangkat semua martabat bangsa dan negara, kalau ada kesatuan pemikiran ke arah itu, maka saya percaya kita boleh lakukan terutama meningkatkan tahap kecekapan dalam menyelesaikan masalah rakyat,” katanya.